



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



**SURAT PEKELILING JPS Bil. 12 / 2015
(Pindaan Ke Atas Lampiran 1 Dan A1 SP JPS Bil. 5 / 2008)**

**PROSIDUR DAN PIHAK-PIHAK BERKUASA
MELULUSKAN TAMBAHAN KUANTITI SEMENTARA
DAN PELARASAN HARGA KONTRAK**

1.0 TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan pindaan ke atas keanggotaan Jawatankuasa Tambahan Kuantiti Sementara di semua peringkat mengikut had kuasa yang dibenarkan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Lampiran A dan A1 Surat Pekeliling JPS Bil. 5 / 2008 bertarikh 21 Oktober 2008 telah menetapkan keanggotaan Ahli Jawatankuasa Tambahan Kuantiti Sementara di peringkat :

- i) Pegawai Penguasa / Pengarah Projek ;
- ii) Timbalan Ketua Pengarah JPS ; dan
- iii) Ketua Pengarah JPS.

2.2 Lampiran tersebut perlu dibuat penambahbaikan bagi meminda keanggotaan ahli jawatankuasa demi memastikan kelancaran proses kelulusan tambahan kuantiti sementara mengambilkira faktor berikut :

- i) Penyelesaian kepada Ahli Jawatankuasa Peringkat Pegawai Penguasa / Pengarah Projek di JPS Negeri yang tiada jawatan Juruukur Bahan.
- ii) Mengemaskini wakil keanggotaan di kalangan Juruukur Bahan di Ibu Pejabat JPS Malaysia.

3.0 PINDAAN YANG DIKUATKUASAKAN

Pindaan dibuat ke atas Lampiran A dan A1 melibatkan Juruukur Bahan yang menganggotai Jawatankuasa Tambahan Kuantiti Sementara di semua peringkat mengikut had kuasa yang dibenarkan.

4.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN

4.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta. Dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling ini, **Lampiran A dan A1** Surat Pekeliling JPS Bil. 5 / 2008 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"

Saya Yang Menurut Perintah,



(DATO' SRI Ir. ZAINOR RAHIM BIN IBRAHIM)

Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan Dan Saliran, Malaysia.

Tarikh: 27 November 2015

LAMPIRAN A
(Pindaan Ke Atas Lampiran A SP JPS Bil. 5 / 2008)

**KEAHLIAN DAN HAD KUASA JAWATANKUASA TAMBAHAN KUANTITI
SEMENTARA**

Bil	Nama Jawatankuasa/ Bidangkuasa	Keanggotaan	Urusetia
1.	Jawatankuasa Kerja Tambahan Kuantiti Sementara di Peringkat Pegawai Penguasa / Pengarah Projek - Nilai harga tambahan bagi pengukuran semula kuantiti tidak melebihi 30% dari HAK* tetapi tidak melebihi RM3 Juta; yang mana lebih rendah.	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh P.P yang dinamakan dalam Kontrak (Sila rujuk LAMPIRAN A1 bagi keanggotaan) Sekiranya P.P adalah TKP atau KP, permohonan hendaklah dibawa terus ke Jawatankuasa Tambahan Kuantiti Sementara Peringkat TKP/KP	<u>Pembentang</u> Wakil P.P / Jurutera yang menyelia projek <u>Urusetia</u> Sila rujuk LAMPIRAN A1
2.	Jawatankuasa Kerja Tambahan Kuantiti Sementara di Peringkat Timbalan Ketua Pengarah. - Nilai harga tambahan bagi pengukuran semula kuantiti tidak melebihi 40% dari HAK* tetapi tidak melebihi RM4.5 Juta; yang mana lebih rendah	1. Timbalan Ketua Pengarah (Pengerusi) 2. Pengarah BUBPK / Timbalan Pengarah (Ukur Bahan) / Ketua Penolong Pengarah Kanan (Ukur Bahan) (Ahli) 3. Pengarah Bahagian jika tidak menjadi Pegawai Penguasa / Pengarah Projek (Ahli)	<u>Pembentang</u> Wakil P.P / Jurutera yang menyelia projek <u>Urusetia</u> Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak IPJPS
3.	Jawatankuasa Kerja Tambahan Kuantiti Sementara di Peringkat Ketua Pengarah. - Nilai harga tambahan bagi pengukuran semula kuantiti tidak melebihi 50% dari HAK* tetapi tidak melebihi RM6 Juta; yang mana lebih rendah	1. Ketua Pengarah (Pengerusi) 2. Pengarah BUBPK / Timbalan Pengarah (Ukur Bahan) / Ketua Penolong Pengarah Kanan(Ukur Bahan) (Ahli) 3. Pengarah Bahagian jika tidak menjadi Pegawai Penguasa / Pengarah Projek (Ahli)	<u>Pembentang</u> Wakil P.P / Jurutera yang menyelia projek <u>Urusetia</u> Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak IPJPS
4.	Dalam semua hal lain	Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan	

* HAK – Harga Asal Kontrak

LAMPIRAN A1
(Pindaan Ke Atas Lampiran A1 SP JPS Bil. 5 / 2008)

Keanggotaan Jawatankuasa Tambahan Kuantiti Sementara di Peringkat Pegawai Penguasa

a) Pegawai Penguasa adalah Jurutera Projek (JP)

- (i) Jurutera Projek (Pengerusi)
- (ii) Jurutera Pejabat Projek / JPS Negeri (Ahli)
- (iii) Juruukur Bahan (Ahli)
- (iv) Pejabat JP (Urusetia)

b) Pegawai Penguasa adalah Pengarah Negeri (PPSN)

- (i) Pengarah Negeri (Pengerusi)
- (ii) Jurutera di JPS Negeri (Ahli)
- (iii) Juruukur Bahan (Ahli)
- (iv) Pejabat Pengarah Negeri (Urusetia)

c) Pegawai Penguasa adalah Pengarah Bahagian

- (i) Pengarah Bahagian (Pengerusi)
- (ii) Timbalan Pengarah / KPPK / KPP di Bahagian (Ahli)
- (iii) Juruukur Bahan Gred J48 dan ke atas (Ahli)
- (iv) Pejabat Pengarah Bahagian (Urusetia)